

KETETAPAN 1325 MAJLIS KESELAMATAN PBB MENGENAI WANITA, KEAMANAN DAN KESELAMATAN

Ketetapan (Resolusi) 1325 Majlis Keselamatan telah diluluskan dengan sebulat suara pada 31 Oktober 2000. Resolusi (S/RES/1325) merupakan satu-satunya resolusi yang pertama diluluskan oleh Majlis Keselamatan yang menumpukan perhatian secara khusus kepada impak (kesan) perang ke atas kaum wanita, sumbangan wanita kepada penyelesaian persengketaan (konflik) dan keamanan yang berkekalan.

“Majlis Keselamatan,

Mengingat resolusi-resolusinya 1261 (1999) bertarikh 25 Ogos 1999, 1265 (1999) bertarikh 17 September 1999, 1296 (2000) bertarikh 19 April 2000 dan 1314 (2000) bertarikh 11 Ogos 2000, dan juga kenyataan relevan yang dibuat oleh Presiden dan mengingat juga kenyataan Presidennya kepada akhbar bersempena Hari PBB bagi Hak-Hak Wanita dan Keamanan Antarabangsa bertarikh 8 Mac 2000 (SC/6816),

Mengingat juga iltizam (komitmen) Perisytiharan Beijing dan Wadah untuk Tindakan (A/52/231) (Beijing Declaration and Platform for Action (A/52/231)) serta yang terkandung dalam dokumen hasil Sidang Khas yang ke - dua puluh tiga Perhimpunan Agung PBB yang bertajuk “Wanita 2000: Kesamaan Jantina, Pembangunan dan Keamanan bagi abad yang ke – dua puluh satu” (A/S-23/10/Rev.1), khususnya komitmen mengenai kaum wanita dan konflik bersenjata,

Menyedari tujuan serta prinsip-prinsip Piagam PBB dan tanggungjawab utama Majlis Keselamatan di bawah Piagam bagi mengekalkan keamanan antarabangsa dan keselamatan,

Melahirkan rasa bimbang bahawa orang awam, khususnya wanita dan kanak-kanak , merupakan sebahagian besar yang terjejas buruk oleh konflik bersenjata, termasuk sebagai pelarian dan sebagai orang terpaksa berpindah dalam negeri, dan menjadi sasaran penempur-penempur dan anasir-anasir bersenjata, dan dengan menyedari impak kejadian ini ke atas keamanan berkekalan dan perdamaian,

Menegaskan semula peranan penting kaum wanita dalam mencegah serta menyelesaikan konflik dan dalam mengembangkan keamanan, dan menitikberatkan kepentingan penyertaan sama dan penglibatan penuh mereka dalam semua usaha untuk mengekal dan menggalakkan keamanan dan keselamatan, dan keperluan untuk meningkatkan peranan wanita dalam pembuatan keputusan berhubung dengan pencegahan serta penyelesaian konflik,

Menegaskan semula juga keperluan untuk melaksanakan sepenuhnya undang-undang antarabangsa mengenai perikemanusiaan dan hak-hak manusia yang melindungi hak-hak wanita dan gadis-gadis semasa dan selepas konflik,

Menekankan keperluan semua pihak bagi memastikan program-program pemugaran periuk api dan kesedaran tentang periuk api mengambil kira kehendak khusus wanita dan gadis-gadis,

Menyedari keperluan segera untuk menjadikan perspektif jantina sebagai aliran utama dalam operasi menjaga keamanan, dan dalam hal ini mengambil perhataian tentang Perisytiharan Windhoek dan Pelan Tindakan Namibia mengenai Pewujudan Perspektif Jantina Sebagai Aliran Utama dalam Pelbagai Dimensi Operasi Sokongan Keamanan (S/2000/693),

Mengambil kira pentingnya perakuan yang terkandung dalam kenyataan Presiennya kepada akhbar pada 8 Mac 2000 untuk latihan khas bagi semua personel menjaga keamanan mengenai perlindungan, keperluan khas dan hak-hak manusia wanita dan kanak-kanak dalam keadaan konflik,

Menyedari bahawa pemahaman mengenai impak konflik bersenjata terhadap wanita dan gadis-gadis, peraturan institusi yang berkesan bagi menjamin perlindungan serta penyertaan penuh mereka dalam proses keamanan boleh menyumbang bagi mengekal dan menggalakkan keamanan dan keselamatan antarabangsa,

Mengambil perhatian tentang perlunya mengukuhkan data mengenai impak konflik bersenjata ke atas wanita dan gadis-gadis,

1. Menggesa Negara-Negara yang menganggotai PBB supaya memastikan perwakilan wanita dipertingkatkan dan ditambahkan di semua peringkat membuat keputusan dalam institusi-institusi nasional, serantau dan antarabangsa dan dalam mekanisme bagi pencegahan, pengurusan serta penyelesaian konflik;
2. Menggalakkan Setiausaha Agung untuk melaksanakan pelan tindakan strategiknya (A/49/587) yang menghendaki peningkatan dalam penyertaan wanita di peringkat pembuatan keputusan dalam proses penyelesaian konflik dan keamanan;
3. Menggesa Setiausaha Agung supaya melantik lebih banyak wanita sebagai wakil dan utusan khas untuk menjadi pengantara bagi pihaknya, dan dalam hal ini meminta Negara-Negara yang menganggotai PBB supaya memberi calon-calon kepada Setiausaha, bagi memasukkan ke dalam dalam jadual terpusat yang sering dikemaskinikan;

4. Menggesa selanjutnya Setiausaha Agung supaya mencari jalan bagi meluaskan/meningkatkan peranan serta sumbangan wanita dalam operasi lapangan PBB, dan khususnya di antara pemerhati-pemerhati tentera, polis awam, personel hak manusia dan perikemanusiaan;
5. Melahirkan kesanggupannya untuk mencantumkan/menggabungkan perspektif jantina ke dalam operasi menjaga keamanan dan menggesa Setiausaha Agung supaya memastikan, di mana sesuai, operasi-operasi lapangan meliputi komponen jantina di dalamnya;
6. Meminta Setiausaha Agung supaya memberi kepada Negara-Negara yang menganggotai PBB garis panduan latihan serta bahan-bahan mengenai perlindungan, hak-hak dan keperluan tertentu wanita, dan juga mengenai kepentingan melibatkan wanita dalam semua langkah-langkah menjaga keamanan serta pengembangan keamanan, meminta Negara-Negara Anggota supaya menggabungkan elemen-elemen ini serta latihan kesedaran mengenai HIV/AIDS dalam program-program latihan nasional bagi personel tentera dan polis awam dalam persiapan awam untuk mengatur kedudukan, dan selanjutnya meminta Setiausaha Agung supaya memastikan bahawa personel awam yang menjaga operasi keamanan menerima latihan yang serupa;
7. Menggesa Negara-Negara Anggota supaya menambahkan sokongan sukarela kewangan, teknikal dan logistik bagi usaha-usaha latihan yang peka pada jantina, termasuk yang dijalankan oleh tabung dan program-program yang relevan, antara lain, Tabung PBB bagi Wanita dan Tabung Kanak-Kanak PBB dan yang dijalankan oleh Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Pelarian dan badan-badan lain yang berkaitan;
8. Memanggil semua pelaku yang terlibat, apabila berunding dan melaksanakan perjanjian-perjanjian keamanan, mengambil serta mengamalkan perspektif jantina, termasuk, antara lain: (a) Keperluan istimewa wanita dan gadis-gadis semasa penghantaran balik (repatriasi) dan penempatan semula dan untuk pemulihan, integrasi semula dan pembinaan semula lepas konflik; (b) Langkah-langkah yang menyokong daya usaha wanita tempatan dan proses-proses pribumi bagi penyelesaian konflik, dan yang melibatkan wanita dalam semua mekanisme pelaksanaan perjanjian-perjanjian keamanan; (c) Langkah-langkah yang memastikan perlindungan dan rasa hormat kepada hak manusia wanita dan gadis-gadis, terutamanya yang berkaitan dengan perlembagaan, sistem pilihan raya, polis dan badan kehakiman;
9. Memanggil semua pihak yang terlibat dalam konflik bersenjata supaya menghormati sepenuhnya undang-undang antarabangsa mengenai hak-hak dan perlindungan wanita dan gadis-gadis sebagai orang awam, terutamanya kewajipan yang dikaitkan dengan mereka di bawah

Konvensyen Geneva 1949 dan Protokol Tambahan 1977 yang dikepilkan padanya, Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967 yang dikepilkan padanya, Konvensyen Majlis Keselamatan -5- Siaran Akhbar SC/6942 pada Mesyuarat yang ke-4213 (PM) pada 31 Oktober 2000 mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita 1979 dan Protokol Pilihan 1999 yang dikepilkan padanya dan Konvensyen PBB mengenai Hak Kanak-Kanak 1989 dan dua Protokol Pilihan bertarikh 25 Mei 2000 yang dikepilkan padanya, dan supaya mengambil perhatian tentang peruntukan-peruntukan relevan dalam Statut Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa;

10. Memanggil semua pihak terlibat dalam konflik bersenjata supaya mengambil langkah-langkah tertentu untuk melindungi wanita dan gadis-gadis dari keganasan berasaskan jantina, terutamanya rogol dan bentuk lain penganiayaan seks, dan bentuk lain keganasan dalam keadaan konflik bersenjata;
11. Menekankan tanggungjawab semua Negara untuk menghentikan impuniti dan untuk mendakwa di mahkamah mereka yang bertanggungjawab bagi penghapusan bangsa (genosid) , jenayah-jenayah terhadap manusia, jenayah-jenayah perang termasuk yang berkaitan dengan keganasan seksual terhadap wanita dan gadis-gadis, dan dalam hal ini, menitikberatkan kehendak untuk mengeluarkan jenayah-jenayah ini, di mana boleh, dari peruntukan-peruntukan pengampunan(amnesti);
12. Memanggil semua pihak yang terlibat dalam konflik bersenjata supaya menghormati sifat awam dan perikemanusiaan khemah-khemah serta petempatan-petempatan, dan mengambil kira keperluan tertentu wanita dan gadis-gadis, termasuk dalam reka bentuknya, dan mengingat kembali resolusi 1208 (1998) bertarikh 19 November 1998;
13. Menggalakkan semua pihak yang terlibat dalam perancangan pelucutan senjata, pemberhentian daripada khidmat kerahan (demobilisasi) dan integrasi semula (reintegration) supaya menimbang keperluan bekas penempur-penempur wanita dan lelaki dan mengambil kira keperluan tanggungan-tanggungan mereka;
14. Menegaskan semula kesanggupannya, bila-bila masa langkah-langkah diambil di bawah Perkara (Artikel) 41 Piagam PBB, untuk memberi pertimbangan kepada impak berpotensi ke atas penduduk awam, mengambil perhatian tentang keperluan tertentu wanita dan gadis-gadis, agar menimbang pengecualian perikemanusiaan yang sesuai;
15. Melahirkan kesanggupannya bagi memastikan misi (perwakilan) Majlis Keselamatan mengambil kira pertimbangan-pertimbangan jantina dan

hak-hak wanita, termasuk menerusi perundingan dengan kumpulan-kumpulan wanita tempatan dan antarabangsa;

16. Menjemput Setiausaha Agung menjalankan kajian mengenai impak konflik bersenjata ke atas wanita serta gadis-gadis, peranan wanita dalam pembinaan keamanan dan dimensi jantina proses-proses keamanan dan penyelesaian konflik, dan selanjutnya menjemputnya supaya mengemukakan satu laporan kepada Majlis Keselamatan mengenai hasil kajian ini dan memberikannya kepada semua Negara yang menganggotai PBB;
17. Meminta Setiausaha Agung, di mana sesuai, memasukkan dalam laporannya kepada Majlis Keselamatan, kemajuan dalam “gender mainstreaming” sepanjang misi menjaga keamanan dan semua aspek lain berhubung dengan wanita dan gadis-gadis;
18. Memutuskan supaya mengambil maklum tentang perkara ini secara giat dan cergas (aktif). “

Translated by Peter Johnson